

# beritakaampus

**VARSITI**

BERITA

bhwarsiti@bh.com.my

# UPM hargai media, pelajar cemerlang

→ CEM sedia pelbagai program keusahawanan peringkat universiti, antarabangsa

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

► Serdang

**W**artawan Jabatan Vertikal Pendidikan, The New Straits Times Press (NSTP), Basir Zahrom menerima anugerah penghargaan Rakan Media Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolepasaran Graduan (CEM) Universiti Putra Malaysia (UPM) 2018, di sini, baru-baru ini.

Anugerah penghargaan itu disampaikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman.

Anugerah bersempena Majlis CEM 2018 itu bagi menghargai sokongan daripada rakan media atas usaha membuat publisiti usahawan siswa UPM di media cetak melalui ruanan BH Varsiti.

Lebih daripada 20 bahan berita mengenai



**Prof Dr Mohd Roslan (tengah)** meraikan kejayaan dan merakam kenangan manis bersama-sama penerima anugerah pada Majlis Apresiasi Keusahawanan Siswa UPM, baru-baru ini.

usahawan siswa UPM dipaparkan sepanjang 2018 dalam sisipan BH Varsiti.

Pelajar tahun akhir jurusan Sains Perniagaan Tani, Muhammad Syahiran Hasim yang juga pemilik Syarikat Syahiran Global Resources dipilih sebagai penerima Anugerah Usahawan Siswa Terbaik UPM 2018, manakala pelajar jurusan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Nurzulaikha Raduan sebagai Usahawan Siswa Terbaik.

#### Secara holistik

Yang turut hadir, Pengarah CEM UPM, Dr Mass Hareeza Ali.

Prof Mohd Roslan berkata, sebagai penerima anugerah Universiti Paling Keusahawanan antara 20 Universiti Awam dalam Anugerah Keusahawanan Pendidikan Tinggi (MEA) 2016, CEM sentiasa memainkan peranan dengan memberi pendedahan bidang itu secara holistik.

Beliau berkata, CEM menyusun dan menyediakan pelbagai program pada peringkat universiti mahupun antarabangsa.

Katanya, ruang perniagaan juga turut disediakan agar pelajar dapat merasai sendiri pengalaman sebe-


nar dan cabaran apabila bergelar seorang usahawan.

“Tahun lalu, seramai 14,000 pelajar terbabit dalam program keusahawanan dan menunjukkan impak positif dalam memastikan graduan UPM mempunyai nilai tambah dalam meningkatkan kebolehpasaran mereka.

“Kitadapatmelihatramai mahasiswa merebut peluang menjana pendapatan dengan menjalankan pernia-gaan secara kecil-kecilan di samping tidak mengabaikan tugas mereka sebagai seorang pelajar,” katanya.



**Prof Dr Mohd Roslan (dua dari kanan)** menyampaikan sijil penghargaan kepada Basir (kanan) sempena Majlis Apresiasi Keusahawanan Siswa UPM, baru-baru ini.



## PELAJARI PEMASARAN BERJAYA & TERBUKTI

The Majestic Hotel, Kuala Lumpur | 18-22 Mac 2019 (Isnin-Jumaat)

Kami menyediakan 6 sesi untuk anda ikuti setiap hari: 10.00 pagi, 11.30 pagi, 1.00 tengah hari, 2.30 petang, 4.00 petang dan 5.30 petang

**DAFTAR SEKARANG** | [newsconnect.asia](http://newsconnect.asia)

atau hubungi +6012 305 3364

**NewsConnect**